

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

(Baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Produk Pinjaman Gadai Janji Maybank.

PRODUK: MaxiHome - Financing Purchase	Date: May 9, 2025
--	--------------------------

1. Apakah produk ini?

- Produk ini adalah pinjaman gadai janji/kemudahan kredit bercagar atas hartanah kediaman atau komersial. Walau bagaimanapun, cagaran tambahan seperti deposit tetap, penjamin dan lain-lain mungkin diminta berdasarkan kepada penilaian kredit.
- Kemudahan yang berkenaan adalah bagi maksud yang berikut:-
 - o Pembiayaan pembelian hartanah kediaman atau komersial di Malaysia;
 - o Kemudahan OML adalah bagi pembiayaan pembelian hartanah di UK (London Zones 1, 2, 3, lokasi terpilih di Zone 4, Cambridge & Manchester), Australia (Melbourne, Sydney, Perth, Brisbane & Adelaide), Singapore & Japan (lokasi terpilih di Tokyo & Osaka)
 - o Pembiayaan semula pinjaman gadai janji sedia ada daripada institusi kewangan yang lain (misalnya penebusan jumlah / baki belum jelas dan kemudahan penambahan) di Malaysia;
 - o Pembiayaan semula pinjaman gadai janji dari harta yang bebas daripada bebanan / hutang di Malaysia;
 - o Pengeluaran semula atau kemudahan penambahan untuk pelanggan-pelanggan pinjaman gadai janji sedia ada Maybank untuk mendapatkan kemudahan tambahan untuk modal kerja, pelaburan, pendidikan, pengubahsuaian, dan
 - o Bagi merapatkan perbezaan antara harga belian & jumlah pinjaman yang diluluskan untuk pembiayaan rumah baru di Malaysia (untuk Trade-up Mortgage).

- Flexiloin ialah kemudahan gadai janji yang memberikan fleksibiliti bayaran tambahan kepada peminjam. Ia adalah gabungan kemudahan simpanan, semasa & pinjaman di bawah satu akaun. Dengan flexiloin, peminjam boleh membayar lebih ke dalam akaun pinjaman pada bila-bila masa untuk menjimatkan faedah dan mengeluarkan lebih bayaran pada bila-bila masa tanpa menanggung yuran dan caj tambahan.

- Lazimnya, jumlah pembiayaan/kemudahan maksimum adalah kurang sedikit daripada nilai harta yang dicagarkan dan dalam kes membiayai pembelian baharu, perbezaan antara jumlah pinjaman dan harga belian (atau nilai pasaran terbuka, yang mana lebih rendah) perlu dibayar oleh pelanggan terlebih dahulu sebelum jumlah pinjaman dikeluarkan contohnya:-

Harga Pembelian harta	: RM200,000
Jumlah Pinjaman	: RM180,000 (90% daripada harga harta)
Amaun Dibayar oleh Pelanggan	: RM20,000 (10% daripada harga hartanah)

Kemudahan tambahan disediakan untuk permodalan perbelanjaan berkaitan seperti sumbangan Insurans Gadai Janji Berkurangan (MRTA), yuran guaman dan duti setem yang berkaitan dengan dokumentasi pembiayaan, dan lain-lain, tertakluk kepada penilaian kredit, terma-terma dan syarat-syarat.

- Kadar faedah/keuntungan yang dikenakan mungkin kadar tetap, berubah-ubah/terapung atau gabungan kadar keuntungan tetap dan terapung, tunggal atau berbilang. Kadar berubah-ubah/terapung adalah berdasarkan kepada Kadar Asas Standard (KAS) ditambah dengan margin faedah/keuntungan (contohnya KAS + 1.45%). Kadar efektif akan berbeza-beza mengikut perubahan berkala di dalam Kadar Asas Standard (KAS).
- Kemudahan ini boleh didapati dalam versi konvensional dan Islamik dan dalam bentuk pembiayaan berjangka, overdraf atau gabungan pembiayaan berjangka dan overdraf.
- Pembayaran balik pembiayaan berjangka biasanya dalam bentuk ansuran bulanan yang dikira berdasarkan kadar faedah/keuntungan semasa, tempoh pembiayaan dan jumlah baki pembiayaan. Bagi pembiayaan berjangka yang berdasarkan kepada KAS, jumlah ansuran akan dikaji semula pada setiap suku tahun seperti jadual di bawah untuk mengambil kira perubahan dalam KAS dan baki pembiayaan bagi memastikan penyelesaian pembiayaan tepat pada
- Bagi pembiayaan berjangka yang berdasarkan kepada KAS, jumlah ansuran akan dikaji semula pada setiap suku tahun telah diberhentikan. Semakan ansuran akan seiring dengan perubahan Kadar Dasar Semalaman ataupun KAS.
- Jumlah ansuran bulanan akan bermula sebaik sahaja jumlah pembiayaan dikeluarkan sepenuhnya* seperti jadual di bawah:

Tarikh Pembiayaan Dikeluarkan Sepenuhnya	Tarikh Berkuatkuasa Ansuran Bulanan	Contoh: Tarikh Pembiayaan Dikeluarkan Sepenuhnya	Contoh: Tarikh Kuatkuasa Ansuran Bulanan
1- 10 haribulan	1 haribulan bulan depan	3 April 2017	1 Mei 2017
11 haribulan & seterusnya	1 haribulan bulan berikutnya	15 April 2017	1 Jun 2017

* Bagi hartanah kediaman masih dalam pembinaan, pembiayaan boleh dipertimbangkan sebagai dikeluarkan sepenuhnya dan jumlah ansuran bermula apabila tuntutan progresif mencapai 97.5% daripada harga Perjanjian Jual Beli (SPA).

- Sementara menunggu kemudahan pembiayaan dikeluarkan sepenuhnya (contohnya seperti dalam kes pembiayaan pembelian hartanah yang masih dalam pembinaan oleh pemaju di mana jumlah pembiayaan yang dikeluarkan secara progresif mengikut tuntutan progresif yang dikeluarkan oleh pemaju, atau seperti kes jualan semula di mana sebahagian pembiayaan dikeluarkan untuk menebus hak milik daripada pemegang gadai janji semasa), sebarang keuntungan bulanan yang dicajkan pada akhir bulan perlu dibayar pada hujung bulan dan perlu dibayar sepenuhnya sebelum berkuatkuasanya ansuran bulanan.

Jumlah Pinjaman	: RM500,000
Pinjaman di keluarkan	: 20% sudah dikeluarkan (RM100,000),
Faedah	: KAS+1.45% (3.00%+1.45%=4.45%),
Faedah bulanan progresif	: RM100,000 X 4.45% X 31/365 hari = RM378
Andaian	: a) KAS= 3.00%, b) Jumlah hari dalam sebulan (31/30/29/28)

2. Apakah yang saya akan dapat daripada produk ini?

A. Jumlah Pinjaman Asas	400,000
B. Modal Perbelanjaan Berkaitan	
• MRTA (Gadai Janji Terma Insuran) Premium	3,978
• Yuran Penulisan Wasiat	0
• Lain-lain	0
C. Jumlah Pinjaman (a+b)	403,978
D. Nilai harta / OMV	686,000
E. Margin Pembiayaan (c + d)	59%

F. Tempoh pinjaman	14
G. Faedah/Kadar Keuntungan	SBR+1.45%
* Kadar indikatif, tertakluk kepada tahap	
H. Kadar Asas Standard	3.00%
I. Kadar efektif	4.45%

Initial	
---------	--

3. Apakah tanggungjawab saya?
Bagi Pembiayaan Berjangka

- Membayar khidmat faedah/keuntungan progresif bulanan sementara selesai pengeluaran penuh.
- Membayar khidmat jumlah ansuran bulanan (pada lhb setiap bulan) setelah pengeluaran penuh atau semasa berakhirnya tempoh keuntungan tangguh.
- Pembayara kadar faedah bulanan sehingga 5 tahun dan seterusnya ansuran bulanan (di mana pilihan pembayaran faedah sahaja dilanggan).
- Perkhidmatan ansuran bulanan melebihi umur persaraan di bawah pembiayaan tempoh lanjutan.

Bagi Overdraft

Bayaran faedah bulanan dikenakan dan jumlah pengurangan had pengeluaran (drawing limit) di mana berkenaan.

NOTA PENTING:

- BANK MEMPUNYAI HAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MENGHALANG TEBUS RUMAH ANDA YANG DIBIYAI OLEH PIHAK BANK, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR ANSURAN BULANAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA
- Ansuran boleh disemak dalam tempoh 90 hari dari tarikh pelarasan kadar asas. Anda boleh menghubungi Cawangan kami jika anda ingin berbincang lebih lanjut mengenai jadual/jumlah pembayaran anda mengikut budi bicara Bank. Sila ambil perhatian bahawa mengekalkan amaun ansuran sedia ada atau menurunkan jumlah ansuran boleh mengakibatkan :-
 - Ansuran pembiayaan yang lebih tinggi dalam semakan ansuran berikutnya
 - Caj pembiayaan keseluruhan yang lebih tinggi
 - Klasifikasi akaun di bawah penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&R)
 - Perlindungan MRTT mungkin tidak mencukupi dengan tempoh pembiayaan lanjutan

Faedah / Kadar Keuntungan	Kadar Semasa	Kadar Semasa + 1%	Kadar Semasa + 2%
Jumlah ansuran bulanan¹	3,236	3,443	3,658
Kadar faedah²	692	848	1,003
Jumlah faedah perlu dibayar³	164,470	204,927	246,620
Jumlah Pembayaran	568,448	608,905	650,598
Kadar faedah effective semasa⁴	4.45%	5.45%	6.45%

Initial	
---------	--

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Pengiraan diatas dikira berdasarkan andaian:-

a) Pembayaran pinjaman bagi pinjaman 90% margin pembiayaan, jika akan dibayar seperti berikut:-

Bulan	Peratus
Pengeluaran	
0	10%
4	15%
8	10%
12	10%
16	10%
20	15%
24	20%
Total	90%

Bulan	Peratus
Pengeluaran	
0	10%
6	15%
12	10%
18	10%
24	10%
30	15%
36	20%
Total	90%

- b) ¹ Purata ansuran bulanan jika pinjaman kadar faedah pelbagai
- c) ² Purata kadar faedah semasa tempoh untuk tahun pembayaran faedah
- d) ³ Termasuk jumlah faedah semasa bahagian pembayaran faedah
- e) ⁴ Berdasarkan pengeluaran penuh dan ansuran pembayaran segera
- f) Jumlah ansuran dan jumlah yang perlu dibayar mungkin berbeza-beza tertakluk kepada perubahan dalam Kadar Asas Standard (KAS).


Overseas Mortgage Loan

Sekiranya hasil daripada sebarang penilaian berkala mendedahkan bahawa Nilai Pasaran Terbuka Harta adalah lebih rendah daripada nilai penilaian harta yang dilakukan sebelum pelaksanaan dokumen pinjaman, setelah memberikan notis bertulis terlebih dahulu selama empat belas (14) hari, pihak Bank berkemungkinan akan meminta anda untuk mencagarkan, gadai janji, atau mendepositkan saham dan ekuiti, asset, harta alih dan / atau dokumen hakmilik terbitan, jika ada, atau semua harta tidak alih yang dimiliki oleh anda dengan nilai sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa atau untuk tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank sebagai jaminan tambahan bagi pembayaran balik pinjaman perumahan luar negara. Sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk melaksanakan haknya berdasarkan terma dan syarat surat tawaran serta dokumen sekuriti berkaitan bagi pinjaman perumahan luar negara.

4. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS ialah kadar rujukan biasa untuk semua bank perdagangan berkuat kuasa 1 Ogos 2022 dalam penetapan harga pembiayaan runcit baharu yang ditambah pada kadar asas, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022. SBR disandarkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS) (iaitu KAS = OPR) dan semua Kadar Pembiayaan Asas (KPA) dan Kadar Asas (KA) sedia ada pula ditambah kepada KAS. Dengan kata lain, KAS, KAI dan BFR akan diselaraskan seiring dengan perubahan dalam OPR seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (JDM) Bank Negara Malaysia.

5. Sejarah Kadar Asas Standard (KAS) untuk 3 tahun yang lalu



Nota:
Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR, iaitu kadar penanda aras untuk SBR

Initial

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK
6. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

<ul style="list-style-type: none"> • Setem Duti 	<p>Seperti di dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dokumen</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>• Surat Tawaran</td> <td>: RM10</td> </tr> <tr> <td>• Dokumen Utama</td> <td>: RM5 untuk setiap RM1,000</td> </tr> <tr> <td>• Dokumen Sekuriti</td> <td>: RM10</td> </tr> <tr> <td>• Arahan Tetap</td> <td>: RM10</td> </tr> </tbody> </table>	Dokumen	Jumlah	• Surat Tawaran	: RM10	• Dokumen Utama	: RM5 untuk setiap RM1,000	• Dokumen Sekuriti	: RM10	• Arahan Tetap	: RM10
Dokumen	Jumlah										
• Surat Tawaran	: RM10										
• Dokumen Utama	: RM5 untuk setiap RM1,000										
• Dokumen Sekuriti	: RM10										
• Arahan Tetap	: RM10										
<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Guaman & Pembayaran 	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi pinjaman, pendaftaran gadaian, carian tanah carian kebangkrapan dan lain-lain.										
<ul style="list-style-type: none"> • Surat Pengeluaran KWSP 	RM10 setiap permintaan										
<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Penilaian Profesional 	Penilaian tahunan secara desktop valuation oleh penilai luar negeri yang dilantik (Overseas Mortgage Loan) dalam kos GBP 175 + VAT.										
<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Pemprosesan pengeluaran bayaran 	RM25 akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun pinjaman bagi setiap permohonan pengeluaran semula bayaran pendahuluan daripada akaun pinjaman.										
<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Penyelenggaraan 	RM5 (terpakai untuk product MaxiHome / MaxiShop FlexiOD sahaja)										
<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Komitmen 	Yuran komitmen sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas kemudahan overdraf tidak digunakan yang diberikan kepada individu dimana had overdraf melebihi RM250,000, atau syarikat-syarikat tanpa mengira had overdraf. Yuran tersebut tidak akan dikenakan hanya jika pelanggan memutuskan untuk menutup akaun / kemudahan dan menulis ke cawangan masing-masing untuk penutupan akaun / kemudahan.										
<ul style="list-style-type: none"> • Surat Penebusan 	RM50										

Nota: Pihak Bank akan memberikan notis sebelum sebarang perubahan kepada terma dan syarat baharu berkuat kuasa.

Yuran dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Barang/Jualan dan Perkhidmatan yang berkuat kuasa, jika berkenaan.

7. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

<ul style="list-style-type: none"> • Penalti/denda Lewat 	1% setahun ke atas jumlah tertunggak
<ul style="list-style-type: none"> • Penukaran Kadar Kaedah/Keuntungan Efektif 	Jika berlaku hal kemungkiran (tiada pembayaran) dalam satu (1) kali pembayaran keuntungan sementara menunggu pembayaran ansuran atau pembayaran ansuran, Pihak Bank berhak untuk menaikkan kadar keuntungan efektif sebanyak 1.00% setahun, atau kadar lain yang pihak Bank berhak menentukan dari semasa ke semasa.
<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Kemungkiran 	Jika berlaku hal kemungkiran (tiada pembayaran) dalam tiga (3) kali pembayaran keuntungan sementara menunggu pembayaran ansuran atau pembayaran ansuran secara berturut-turut, Pihak Bank berhak untuk menukar kadar keuntungan efektif kepada kepada KAS + 6.15% setahun dikira secara baki harian, atau apa-apa kadar lain yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa dengan notis dua puluh satu (21) kalendar hari sebelum tarikh pelaksanaan dan ansuran bulanan yang baharu akan berkuatkuasa pada bulan berikutnya. Anda perlu mengurangkan tunggakan pembayaran anda kepada kurang daripada tiga (3) bulan supaya kadar keuntungan yang dikontrakkan dikembalikan semula.
<ul style="list-style-type: none"> • Hak Penolakan 	Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda di Bank terhadap sebarang baki tertunggak dengan memberikan notis seawal 7 hari kalendar kepada anda.
<ul style="list-style-type: none"> • Hak untuk memulakan proses mendapatkan semula dan tindakan undang-undang 	Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi balasan kepada notis peringatan. Harta anda juga akan dihalang tebus dan anda akan membiayai segala kos. Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti mendapatkan semula (termasuk mendapatkan pihak ketiga; agensi pengutip hutang), menghalang tebus dan prosiding kebangkrapan. <i>Nota:</i> Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan mengakibatkan tahap pemeringkatan kredit anda menjadikan ianya lebih sukar atau mahal.
<ul style="list-style-type: none"> • Hak untuk menolak / memanggil semula kemudahan 	Pihak Bank berhak untuk menolak atau memanggil semula kemudahan yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat sebarang tanda-tanda perubahan dalam kredit anda dan keupayaan anda membayar balik pinjaman ini berdasarkan keatas terma-terma dan syarat yang dipersetujui.

8. Bagaimana jika tempoh pembiayaan saya melebihi umur persaraan?

Jika anda telah memilih untuk melanjutkan pembayaran balik pembiayaan, anda akan mempunyai komitmen kewangan yang perlu diuruskan selepas usia persaraan. Bagi memudahkan pengurusan komitmen tersebut, anda mungkin ingin mempercepatkan bayaran balik pembiayaan semasa masih bekerja. Anda boleh memilih untuk membayar lebih daripada jumlah bayaran yang perlu dibayar, atau menyelesaikan sebahagian pembiayaan melalui pengeluaran KWSP pada usia 50 tahun atau melalui bonus tahunan sambil mengekalkan jumlah ansuran semasa. Sebagai alternatif, anda juga boleh menggunakan dana KWSP untuk menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan perumahan semasa persaraan dan dengan itu membebaskan aliran tunai untuk perbelanjaan hidup.

Initial	
---------	--

9. Perluah saya menjalani modul kewangan pendidikan?

Pemohon disarankan untuk melayari laman sesawang <https://power.akpk.gov.my> bagi mempelajari pendidikan kewangan dalam talian yang ringkas dan mudah, untuk meningkatkan pemahaman serta pengurusan kewangan yang lebih baik.

10. Adakah saya memerlukan insurans/perindungan takaful?**A. Perlindungan Polisi untuk Kediaman: Polisi Kebakaran / Pemilik Rumah/ Pemilik Rumah Xtra**

- a) Semua aset / hartanah yang dikenakan / ditugaskan kepada Bank sebagai jaminan akan dilindungi oleh dasar insurans secukupnya terhadap semua risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian atau kerosakan melalui kebakaran, gempa bumi, kilat, rusuhan, mogok atau kerosakan akibat keganasan dalam nilai penuh atau kos penggantian yang mana lebih tinggi atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank. Untuk hartanah yang telah siap sepenuhnya, anda boleh memilih perlindungan asas di bawah Polisi Kebakaran atau perlindungan yang lebih komprehensif di bawah Polisi Pemilik Rumah atau yang lebih komprehensif di bawah Polisi Pemilik Rumah Xtra.
- b) Selaras dengan polisi/ perlindungan yang dipilih oleh anda di (a) di atas, Bank akan mengambil and mengekalkan Bank akan mengambil dan mengekalkan polisi Pemilik Rumah /Pemilik Rumah Xtra Kebakaran bagi pihak anda daripada Etiga General Takaful Berhad atau daripada panel syarikat insurans Bank atau syarikat lain pilihan anda yang diluluskan oleh Bank dengan kepentingan Bank sebagai pemegang gadaian dan penerima kerugian diendorkan kepadanya.
- i. Polisi Kebakaran yang standard akan diambil, termasuk tetapi tidak terhad pada bahaya yang berikut: -
- Kebakaran
 - Kilat
 - Letupan
 - Kerosakan akibat impak hentaman.
 - dan apa-apa bahaya lain seperti yang dikehendaki oleh Bank.
- ii. Polisi Pemilik Rumah yang standard akan diambil, termasuk tetapi tidak terhad pada bahaya yang berikut: -
- Kebakaran, Kilat, Petir dan Kebakaran bawah tanah
 - Rusuhan dan Mogok, Kerosakan akibat keganasan.
 - Letupan
 - Kerosakan Pesawat Udara
 - Kerosakan akibat impak hentaman.
 - Kebocoran atau Limpahan Tangki Air, Peralatan atau Paip Domestik
 - Kecurian menggunakan kekerasan untuk masuk atau keluar
 - Ribut Taufan, Puting Belliung, Taufan & Angin Ribut
 - Gempa Bumi & Letusan Gunung Berapi
 - Banjir
 - dan apa-apa bahaya lain seperti yang dikehendaki oleh Bank.
- iii. Polisi Pemilik Rumah Xtra yang standard akan diambil, termasuk tetapi tidak terhad pada bahaya yang berikut: -
- Kebakaran, Kilat, Petir dan Kebakaran bawah tanah
 - Rusuhan dan Mogok, Kerosakan akibat keganasan.
 - Letupan
 - Kerosakan Pesawat Udara
 - Kerosakan akibat impak hentaman.
 - Kebocoran atau Limpahan Tangki Air, Peralatan atau Paip Domestik
 - Kecurian menggunakan kekerasan untuk masuk atau keluar
 - Ribut Taufan, Puting Belliung, Taufan & Angin Ribut
 - Gempa Bumi & Letusan Gunung Berapi
 - Banjir
 - dan apa-apa bahaya lain seperti yang dikehendaki oleh pihak kami.
- Manfaat tambahan akan diberikan tanpa sumbangan tambahan:
- Elaun kesulitan
 - Ansurance Pembiayaan Gadai Janji
 - Kerosakan pada tangki air, peralatan dan paip
- iii. Jumlah yang diinsuranskan adalah ke atas nilai yang boleh diinsuranskan sepenuhnya.
- c) Sebarang permintaan untuk menukar perlindungan insurans anda dari Polisi Kebakaran ke Polisi Pemilik Rumah atau Polisi Pemilik Rumah Xtra atau sebaliknya selepas penerimaan Surat Tawaran oleh anda hendaklah dibuat secara rasmi dan bertulis kepada pihak Bank.
- d) Semua polisi akan diambil atas kos dan perbelanjaan anda sendiri dan Bank berhak untuk memboyar premium bagi apa-apa polisi bagi pihak anda dengan mendebitkan akaun anda.
- e) Insurans kebakaran perlu diambil ke atas aset tetap dan terapung syarikat anda jika Bank telah mengambil debentur ke atas aset syarikat anda (jika berkenaan).

Initial	
---------	--

B. Polisi Kebakaran: Bukan Kediaman / Bangunan yang Sedang dibina (BICC)

- a) Bank menghendaki harta Bukan Kediaman dan/atau Bangunan yang Sedang Dibina ini dilindungi oleh polisi Insurans Kebakaran.
- b) Bank akan mengambil dan mengekalkan polisi Insurans Kebakaran bagi pihak anda daripada Etiqa atau daripada panel syarikat insurans Bank atau lain-lain syarikat insurans pilihan yang diluluskan oleh Bank dengan kepentingan Bank sebagai pemegang gadaian dan penerima kerugian diendorkan kepadanya.
- i. Polisi Insurans Kebakaran, akan diambil termasuk tetapi tidak terhad pada bahaya yang berikut:-
- Kebakaran
 - Kilat
 - Letupan
 - Kerosakan akibat impak hentaman (tidak terpakai untuk BICC)
 - dan apa-apa bahaya lain seperti yang diperlukan oleh Bank.
- ii. Jumlah yang diinsuranskan adalah ke atas nilai yang boleh diinsuranskan sepenuhnya.
- c) Semua polisi akan diambil atas kos dan perbelanjaan anda sendiri dan Bank berhak untuk membayar premium bagi apa-apa polisi bagi pihak anda dengan mendebitkan akaun anda.
- d) Polisi Insurans Kebakaran secara amnya diperlukan untuk semua harta bukan kediaman dan/atau bangunan yang sedang dibina. Bank boleh mempertimbangkan sebarang permohonan untuk pengecualian polisi Insurans kebakaran yang dibuat oleh anda atas dasar kes ke kes dengan syarat anda dapat menyerahkan salinan polisi insurans daripada pemaju (Contractor's All Risk (CAR) policy) dengan mengikut peruntukan berikut: -
- i. Nama Maybank dimasukkan sebagai salah satu insurans bersama; dan
- ii. Jumlah yang diinsuranskan bersamaan dengan nilai kontrak projek.

C. Semakan Perkala Polisi Pemilik Rumah & Kebakaran

Kawasan dibina	Kos Bina Semula	Insurans Kebakaran	Polisi Pemilik Rumah /
1,000	80,000	60	87.2
1,200	96,000	60	104.6
1,500	120,000	60	130.8
2,000	160,000	60	174.4

Andaian

- 1) Jenis Hartanah Rumah Satu Tingkat di KL, Majoriti dalam kategori 1,000, 1,200 & 1,500 kaki persegi.
- 2) Kos Bina Semula = RM80/sq ft.
- 3) Kos Bina Semula berbeza mengikut jenis hartanah dan lokasi.
- 4) Premium berbeza mengikut jenis harta, kos bina semula, saiz dan lokasi harta tanah dan premium minimum sebanyak RM60

D. Semakan Perkala Polisi Pemilik Rumah, Polisi Pemilik Rumah Xtra & Kebakaran

Bank akan dari semasa ke semasa menyemak perlindungan insurans kebakaran untuk memastikan bahawa harta tersebut dilindungi secukupnya. Premium yang berlebihan, jika ada, akan dimaklumkan dalam notis pembaharuan tahunan

E. Insurans Hayat Gadaai Janji / Insurans Bertempoh Kredit Mendatar (CLTA) (jika berkenaan)

- a) Atas permintaan Bank, anda juga dikehendaki untuk mengambil dan menyelenggarakan Insurans Gadaai Janji Berkurangan (MRTA) / Insurans Bertempoh Kredit Mendatar (CLTA) dengan Etiqa atau dengan panel syarikat insurans Bank atau lain-lain syarikat insurans pilihan yang diluluskan oleh Bank berdasarkan terma dan syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Bank.
- b) Insurans Gadaai Janji Berkurangan (MRTA) / Insurans Bertempoh Kredit Mendatar (CLTA) akan berkuatkuasa dari tarikh kemudahan pertama dikeluarkan, dengan syarat bahawa permohonan bagi perlindungan insurans telah diluluskan dan premium penuh telah diterima oleh Etiqa atau panel syarikat insurans Bank semasa hayat anda dan bahawa sebelum atau pada tarikh permulaan perlindungan insurans, tiada perubahan kepada keadaan kesihatan anda.
- c) Semua polisi akan diambil atas kos dan perbelanjaan anda sendiri dan Bank berhak untuk membayar premium bagi apa-apa polisi bagi pihak anda dengan mendebitkan akaun anda.
- d) *Pengecualian sebahagian daripada Insurans Gadaai Janji Berkurangan (MRTA) / Insurans Bertempoh Kredit Mendatar (CLTA)*
 Sekiranya anda telah memohon daripada pihak Bank untuk pengecualian sebahagian daripada perlindungan MRTA / CLTA atau sekiranya anda tidak berkemampuan untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Etiqa/ panel syarikat insurans Bank, mengakibatkan perlindungan MRTA / CLTA berkenaan dengan pinjaman yang ditawarkan oleh Bank kepada anda bukan untuk jumlah penuh pinjaman dan / atau tidak untuk tempoh penuh pinjaman, anda mengesahkan bahawa anda memahami sepenuhnya kesan daripada tempoh perlindungan MRTA yang lebih rendah dan / atau pendek dan bersetuju untuk tidak memegang Bank sebagai bertanggungjawab
- e) *Pengecualian Insurans Gadaai Janji Berkurangan (MRTA) / Insurans Bertempoh Kredit Mendatar (CLTA)*
 Sekiranya anda telah memohon daripada Bank untuk pengecualian perlindungan MRTA / CLTA berhubung dengan pinjaman gadaai janji yang ditawarkan oleh Bank kepada anda, anda mengesahkan bahawa anda memahami sepenuhnya kesan akibat pengecualian dan ketiadaan perlindungan MRTA / CLTA tersebut dan bersetuju untuk tidak memegang Bank sebagai bertanggungjawab.

Initial	
---------	--

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

- f) Sekiranya pihak anda tidak berkemampuan untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Etiqa/ panel syarikat insurans Bank untuk perlindungan MRTA / CLTA yang mengakibatkan kepada kekurangan atau ketiadaan perlindungan MRTA / CLTA berkenaan dengan pinjaman yang ditawarkan oleh Bank kepada anda, anda mengesahkan bahawa anda memahami sepenuhnya kesan akibat kekurangan atau ketiadaan perlindungan MRTA / CLTA tersebut dan bersetuju untuk tidak memegang Bank sebagai bertanggungjawab.
- g) Sekiranya berlaku penamatan awal polisi MRTA / CLTA sebelum penyelesaian pinjaman, bank berhak untuk mengubah syarat pinjaman termasuk tetapi tidak terhad kepada peningkatan kadar faedah yang ditetapkan.
- h) Insurans Gadai Janji Berkurangan (MRTA) Awal
MRTA Awal disediakan untuk pembiayaan belian hartanah dalam pembinaan, di mana pengeluaran pembiayaan

11. Adakah saya memerlukan penjamin?

Berdasarkan kepada keupayaan pembayaran balik dan lain-lain pertimbangan kredit.

12. Bolehkah saya melantik peguam saya sendiri yang tidak disenaraikan dalam panel peguam Bank?

Tidak dicadangkan kerana firma guaman yang dipilih mungkin tidak mahir dengan keperluan dokumentasi pihak kami dan sebarang kesulitan dalam penyediaan dokumentasi akan menyebabkan kelewatan dalam pelepasan pembiayaan.

13. Adakah maklumat saya akan didedahkan kepada pihak ketiga?

Sila rujuk para 5 (Lain-lain maklumat) dan para 8 (Pengakuan) di borang permohonan pinjaman.

14. Apakah risiko-risiko yang utama?

Sila ambil perhatian bahawa kadar efektif akan berubah mengikut perubahan kepada kadar rujukan (contohnya Kadar Asas Standard). Peningkatan dalam kadar efektif boleh mengakibatkan pembayaran balik bulanan yang lebih tinggi. Jika anda mempunyai masalah memenuhi obligasi/kewajipan pinjaman anda, sila hubungi kami untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. **Walaupun bagaimanapun, sebarang pengurangan jumlah ansuran yang menyebabkan kelewatan dalam penyelesaian pinjaman akan dikira sebagai penjadualan semula pinjaman dan akan dinyatakan di dalam rekod CCRIS anda dengan sewajarnya.**

15. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, anda boleh menghubungi kami melalui salah satu daripada saluran berikut, contohnya: M2U atau cawangan dimana akaun anda diselenggarakan.

16. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran balik, sila layari ke laman sesawang www.maybank2u.com untuk Pelan Bantuan Bayaran Semula Maybank untuk maklumat lanjut.
- Untuk pilihan lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Level 5 and 6
Menara Aras Raya
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-26167766 Email: enquiry@akpk.org.my
Untuk lebih info: bnm.gov.my/MyKNP
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk/perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
Maybank Berhad
Customer Feedback & Resolution Management
Level 28, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Hunting Line: 03-20748075
Email: cfrm@maybank.com.my

Initial	
---------	--

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau
Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato'Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

17. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan untuk pembiayaan rumah sila rujuk banking info untuk pembiayaan perumahan yang boleh didapati di semua cawangan kami dan laman sesawang dan laman web www.bankinginfo.com.my. Maklumat lanjut mengenai produk pembiayaan perumahan lain, anda boleh melayari laman web Maybank di www.maybank2u.com.my.

18. Pembiayaan Perumahan yang lain;

1. Pembiayaan Perumahan secara Islam
2. Pembiayaan secara Flexi

19. Maklumat lain;

1. Membayar gadaian perumahan selepas persaraan? Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia boleh memberi anda kaunseling secara percuma berkaitan kredit dan pengurusan wang.
2. Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah 2 minggu dari tarikh diatas.
3. Penyata setengah tahun atau tahunan hanya akan disediakan melalui Maybank2u. Pastikan anda mendaftar untuk
4. Setelah menyerahkan set penuh dokumen untuk permohonan pembiayaan perumahan anda dengan Maybank, kami akan memproses permohonan tersebut dengan segera dan memaklumkan keputusan kami kepada anda dalam masa 3 hari bekerja.

20. Penafian

Syarat-syarat dan terma-terma didalam Helaian Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma-terma dan syarat-syarat yang akhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.

21. Anda diingatkan untuk membaca dan memahami semua terma kontrak sebelum anda menerima dan menandatangani kontrak.

Saya mengakui bahawa penjelasan yang mencukupi telah diberikan oleh pegawai Bank kepada saya berkenaan dengan terma penting dokumen ini. Saya dengan ini memberi persetujuan kepada pihak Bank untuk berkongsi maklumat saya dengan rakan kongsi rasmi pihak Bank bagi tujuan menyediakan maklumat atau perkhidmatan yang berkaitan dengan produk atau pakej yang ditawarkan.

Nama : _____

NRIC :

Tarikh :

Initial	
---------	--